9. Menurut al-Khusyairi Abu Nasr, ia adalah pakaian yang menutupi tubuh, makanan dan tempat tinggal yang meneduhinya dari panas dan sejuk.

10. Menurut Muhammad bin Kaab, ia adalah kenikmatan, iaitu nikmat yang Allah S.W.T. berikan kepada kita iaitu perutusan nabi Muhammad S.A.W. itu sendiri seperti yang dijelaskan dalam ayat, *"Sesungguhnya Allah S.W.T. telah memberi kurniaan kepada orang-orang yang beriman ketika Allah S.W.T. mengutus diantara mereka seorang rasul dari golongan mereka sendiri."*

11. Menurut al-Hassan juga ia adalah keringan yang terdapat didalam syariat Islam dan al-Quran yang mudah difahami.

Apapun makna yang ditafsirkan oleh ulama'-ulama' tentang kenikmatan itu, ia adalah diantara perkara-perkara yang akan ditanya oleh Allah S.W.T. nanti di hari akhirat sama ada kita bersyukur atau kufur. Oleh hal yang demikian, amat wajarlah kita berusaha dan beramal untuk menjadi hambaNya yang sentiasa bersyukur diatas segala limpah kurnia dan nikmat yang telah kita terima di dunia ini.

Surah Ali Imran ayat 164 yang bermaksud, *"Janganlah menjadi mereka yang tergolong di dalam kelompok manusia yang terpedaya dengan godaan dunia sehingga lalai dari mentaati perintah-perintah pencipta kita."*

Dalam hubungan itu, kita juga tidak boleh meninggalkan dunia sepenuhnya, semata-mata takut terpedaya dan dilalaikan "duniawi" itu. Dunia dan akhirat hendaklah seimbang dan setara kerana matlamat kejadian kita sebagai "khalifah" di dunia ini tidak akan terlaksana jika dunia ditinggalkan. Berusahalah untuk menjadi manusia yang bahagia di dunia dan bahagia di akhirat.

MEMUNGUT DERMA KETIKA KHUTBAH JUMAAT

Soalan :
Apakah hukum memungut derma ketika khatib sedang membaca khutbah ?.

Imam Muslim meriwayatkan, Rasulullah S.A.W. bersabda :

من توضأ فأحسن الوضوء, ثم أتى الجمعة

فاستمع وأنصت, غفر له ما بينه وبين الجمعة

وزيادة ثلاثة أيام , ومن مس الحصا فقد لغا

Yang bermaksud, *Sesiapa berwudu' dengan sempurna, kemudian menunaikan solat Jumaat dan mendengar khutbah serta dia duduk diam (dengan) penuh perhatiannya) nescaya diampun dosanya sehingga Jumaat yang berikutnya bah ditambah tiga hari lagi. Sesiapa yang mengira batu kecil (tasbih) sesungguhnya ia adalah perbuatan sia-sia.*

BIODATA DATO' MUFTI KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BUTIR-BUTIR PERIBADI

Nama:
YB. Dato' Hj Mohd Murtadza bin Hj. Ahmad DSNS, PMC, PJK
Tarikh Lahir :
05.05.1937
Pingat:
DSNS (1988), PMC (1986), PJK (1983) - (Negeri Sembilan)

TARAF PENDIDIKAN
Belajar di Sek. Khas Agama Johor :1950 - 1956
Belajar di Al-Mashhoor Islamic School
:1957 - 1960
Belajar DI Maahad Al Kaherah
:1960 - 1966
B.A. Al Azhar, Kuliah al-Qanun
:1966 - 1973 wal Syariah, Mesir

PENGALAMAN BEKERJA
Menjadi Guru Sek. Men. Agama Sheikh Hj Mohd Said Seremban selama 2 tahun (01/04/1974 – 1976)

Kadi Daerah Kuala Pilah dan Jempol (1976 – 1981)

Ketua Penerangan Agama Negeri Sembilan merangkap Imam Besar (1981- 1984)

Ketua Penerangan dan Pemangku Kadi Besar Negeri Sembilan (1984 – 1987)

Dilantik sebagai Mufti Kerajaan Negeri Sembilan pada 10hb. Ogos 1987 hingga sekarang.

Menerima Anugerah Tokoh Maal Hijrah 1421H/2000 Masihi

di bandar-bandar ini di agih-agihkan di kampung-kampung supaya masyarakat di kampung juga dapat merasai kemeriahan Aidiladha. Ini sebagai contoh.

MM: Jabatan Mufti telah mengeluarkan hampir 50 judul buku-buku untuk dimanfaatkan oleh para jemaah di qariah. Ini merupakan usaha Dato' untuk meningkatkan ilmu masyarakat. Sejauh mana usaha Dato' ini mendapat sokongan dari masyarakat terutama dalam menyediakan prasarana kutubkhanah di masjid dan surau?

Dato' Mufti: Antara buku terbitan Jabatan Mufti ialah tentang Tuntutan Berjemaah, Imam dan Peranannya, ketiga Peranan Azan dan Muazin menurut Islam dan, keempat, Solat Berjemaah. Saya yang tulis. Kita beri secara percuma ke setiap masjid. Tapi sayangnya di setengah masjid tidak mempunyai almari buku .

MM: Terdapat ramai orang Negeri Sembilan yang handal-handal dan berjaya di Kuala Lumpur. Rumah bertingkat-tingkat tetapi apa sumbangan mereka kepada surau dan masjid di kampung mereka?

Dato' Mufti: Surau dan masjid hanya memerlukan RM200 untuk 48 tajuk buku dan sebuah almari buku untuk menyusun buku-buku ini. Mudah bagi anggota masyarakat. Takkan RM200 berat bagi orang yang mempunyai kemampuan.Walau bagaimana pun saya mengucapkan banyak terima kasih kepada semua pihak yang banyak membantu Jabatan Mufti untuk menerbitkan pelbagai bahan bacaan sama ada bantuan secara langsung mahupun tidak langsung.

MM: Mengenai dengan anggota jawatankuasa masjid, adakah Dato' bersetuju anggota perlu dipilih oleh masyarakat qariah berbanding dengan cara sekarang yang melibatkan ahli politik dalam memilih siapa yang layak untuk menduduki jawatankuasa itu?

Dato' Mufti: Saya berpendapat anggota jawatankuasa masjid mestilah di pilih oleh orang ramai. Pilih orang yang memang layak untuk dipilih. Ada ilmu dan mudah untuk didekati. Bila parti politik yang pilih ahli jawatankuasa masjid maka politiklah masjid-masjid.

MM: Sekarang ini kita ada hampir 20 orang dilantik sebagai ahli jawatankuasa masjid. Sayangnya, yang datang berjemaah di masjid hanya seramai sepuluh orang. Kadang-kadang nazir masjid pun ada yang tak datang. Jadi macam mana?

Dato' Mufti: Di Negeri Sembilan, pemilihan jawatankuasa masjid ditentukan ahli YB. Oleh kerana pemilihan di buat oleh YB, suasana di masjid dan kariah makin teruk hingga ketiadaan jemaah. Analoginya begini. Kata parti A ambil ahli jawatankuasa dari kalangan mereka yang menganggotai parti A. Dalam parti A pula terdapat pecahan kumpulan yang lain. Bila YB pilih ahli jawatankuasa daripada kumpulan yang menyokongnya, maka makin terpinggirlah masjid berkenaan kerana perasaan tidak puas hati dan sebagainya.

MM: Masyarakat kita juga dihidangkan dengan pelbagai pendapat, sama ada melalui buku atau ceramah yang mengatakan itu dan ini bidaah. Hasilnya masyarakat keliru. Apakah yang perlu dilakukan mengenai perkara ini?

Dato' Mufti: Saya punya pandangan macam ni saja. Kalau kita kata tahlil bidaah, itu bidaah, ini pun bidaah. Orang Islam kini berhadapan dengan isu kemusnahan takwa. Saya malas nak komen mengenai ulama baru kerana terlalu ramai di antara mereka yang menolak ulama lama yang banyak mentarbiahkan dalam masyarakat. Adalah amat zalim kita sebagai generasi ulama muda mengatakan ulama dulu dungu. Itu adalah satu bentuk kebiadaban. Sebagai contoh, majlis tahlil bila ada kematian. Saya melihat ulama dulu bila mereka melihat kematian, satu perasaan sedih menyelubungi waris dan kadang-kadang akan timbul perasaan tidak reda pada qadak Allah s.w.t. di kalangan mereka. Bila kita bersedih orang lain semua balik. Bila ulama berkata berkumpul tiga hari, ini adalah satu jangka masa untuk bebaskan perasaan itu. Perasaan tidak reda dengan qadar, tidak reda dengan kematian dan kehilangan orang tersayang. Maka daripada sekadar berkumpul dan berbual kosong, maka ulama pun suruh duduk sambil sebut kalimah La ila ha ilallah. Kalau orang kemukakan hadis melarang orang menyebut La ila ha ilallah silakan saya nak tengok. Sedangkan apa yang berlaku ialah galakkan menyebut la ila ha ilallah.

MM: Bagaimana Dato' Mufti menangani isu murtad?

Dato' Mufti: Masalah murtad adalah masalah sejagat yang mana ianya telah wujud semenjak daripada zaman Nabi Muhammad s.a.w., sahabat dan sehingga ke zaman kita pada hari ini. Jabatan Mufti merasakan sebelum seseorang itu diisytiharkan murtad oleh Mahkamah Tinggi Syariah seperti kehendak Seksyen 119 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003, maka hendaklah ada satu usaha untuk menasihati dan memperkenalkan Islam secara komprehensif dan teratur kepada mereka. Kebanyakan pemohon ini, melalui soal selidik yang dijalankan, mengakui yang selama ini, mereka hanya Islam pada nama dan tidak langsung mengetahui apa itu Islam, bahkan kadang-kadang ke-

Oleh : Ustaz Syaiful Nizam Bin Md Jan

Ulama' berpendapat, Baginda S.A.W. melarang kita melakukan perbuatan yang sia-sia (yang boleh menghapuskan pahala Jumaat) ketika khatib sedang berkhutbah. Hikmahnya ialah kerana perbuatan tersebut boleh mengganggu khatib. Disamping itu, perbuatan tersebut boleh memalingkan perhatian dan tumpuan jemaah terhadap khutbah Jumaat.

Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Syafi'i dan sebahagian ulama' berpendapat wajib kita duduk diam dan mendengar dengan sebaik-baiknya khutbah yang disampaikan oleh khatib terutama apabila ayat-ayat al-Quran dibacakan. Firman Allah S.W.T :

وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْءَانُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ وَأَنصِتُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٢٠٤﴾

Yang bermaksud, *dan apabila al-Quran itu dibacakan , maka dengarlah (dengan sebulat-bulat ingatan untuk mendengarnya) supaya kamu beroleh rahmat.*

(Al-A'raf : 204)

Dan Firman Allah lagi,

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَا تَسْمَعُوا لِهَٰذَا الْقُرْءَانِ وَالْغَوْا فِيهِ لَعَلَّكُمْ تَغْلِبُونَ ﴿٢٦﴾

Yang bermaksud, *Dan orang-orang yang kafir berkata : "Janganlah kamu mendengar al-Quran ini dan tentanglah dia (dengan nanyian-nyanyian dan jeritan-jeritan riuh rendah serta tepuk sorak), supaya kamu berjaya (mengganggu bacaan dan menenggelamkan suara pembacanya).*

(Fussilat : 26)

Imam Abu Hanifah berkata, kita wajib duduk diam sebelum khutbah disampaikan, iaitu ketika khatib keluar untuk membaca khutbah.

Perkataan (ومن مس الحصا فقد لغا) bermaksud, semua perkara yang boleh memalingkan jemaah daripada mendengar khutbah dan memalingkan pahala Jumaat.

Sehubungan dengan itu, perbuatan membawa atau menolak peti derma ketika khatib sedang berkhutbah akan memalingkan tumpuan jemaah daripada mendengar khutbah serta kadang-kadang mengganggu orang lain dengan bunyi dentingan duit syiling. Selain itu, perbuatan orang yang membawa peti derma, berjalan antara saf-saf adalah dilarang keras mengikut hukum syarak. Begitu juga perbuatan penderma yang sibuk ingin mengeluarkan duit daripada saku telah memalingkan tumpuannya daripada mendengar khutbah yang disampaikan. Mereka seolah-olah lebih mementingkan amalan sunat (menderma) daripada amalan wajib (memberi tumpuan kepada khutbah yang disampikan). Oleh itu, membawa atau menolak peti derma hendaklah dilakukan sebelum khatib keluar untuk berkhutbah atau telah selesai menunaikan solat.

Larangan melangkahi bahu jemaah pada hari Jumaat adalah selepas khatib keluar untuk membaca khutbah sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Tabrani, atau ketika khutbah disampaikan seperti mana hadith riwayat Imam Ahmad, Abu Daud, al-Nasai'e, Ibnu Khuzaimah dan Ibnu Hibban di dalam sohihnya.

عن عبد الله بن بسر قال : كنت جالسا إلى جانبه
يوم الجمعة فقال : جاء رجل يتخطى رقاب الناس
والنبي يخطب فقال له النبي : اجلس فقد آذيت

Yang bermaksud, *Daripada Abdullah bin Basr berkata : Aku duduk di sisinya pada hari Jumaat dan beliau berkata : seorang lelaki sedang melangkahi bahu jemaah pada hal Nabi SAW sedang berkhutbah lalu Rasulullah SAW menegur lelaki tersebut, sabdanya : "Sila duduk! Kamu menyakiti orang lain".*

Terdapat juga hadith tentang larangan melangkah antara bahu jemaah tanpa sebab-sebab yang disebutkan di atas. Ibnu Majah dan al-Tarmizi meriwayatkan :

من تخطى رقاب الناس يوم الجمعة اتخذ جسرا إلى جهنم

Yang bermaksud, *Sesiapa yang melangkahi bahu orang lain pada hari Jumaat sesungguhnya dia telah membina jambatan ke neraka.*

Kesimpulannya, aktiviti menderma dan mengutip derma hendaklah dilakukan sebelum khatib keluar untuk membaca khutbah atau setelah selesai menunaikan solat Jumaat untuk memperolehi pahala Jumaat.